



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

13 JUN 2021


A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **335 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **66,043 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Tawau dan satu (1) kes Lahad Datu. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 329 menjadikan jumlah kumulatif 62,846 orang. Seramai 2,044 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 520 orang di hospital dan 1,524 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 101 orang dan 41 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan hari ini.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 17 daerah
- Zon Jingga lima (5) daerah
- Zon Kuning empat (4) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan sebanyak 43 kes iaitu daripada 378 kes kelmarin (12 Jun 2021) kepada 335 kes (13 Jun 2021).
- ii Daripada 335 kes jangkitan baharu hari ini, 170 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 102 kes adalah daripada saringan kluster, 26 kes adalah daripada saringan bergejala, 17 kes daripada saringan bersasar dan 20 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii Lapan (8) daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Empat (4) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala empat (4) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kudat (-56), Papar (-31), Sandakan (-29) dan Tawau (-19).
- iv Walau bagaimanapun, 12 daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan lima (5) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala tujuh (7) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Tuaran 35 kes (+23), Putatan 16 kes (+14), Beaufort 18 kes (+13), Kinabatangan 12 kes (+12), Lahad Datu 32 kes (+10), Tongod 10 kes (+10) dan **jumlah kes positif Covid-19 di daerah Kota Kinabalu hari ini adalah 49 kes (+17)** dengan pertambahan kes daripada Kluster Ocean Blue sebanyak enam (6) kes menjadikan kumulatif kes meningkat kepada 157 kes daripada 185 anak kapal yang terbabit dalam Kapal KD Mahawangsa. Dua (2) daerah lain yang mencatatkan kes baharu pada hari ini iaitu Kota Belud (19 kes) dan Semporna lima (5) kes kekal sebagaimana jumlah kes kelmarin.
- v Pada hari ini, lima (5) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Pitas, Kuala Penyu, Tenom dan Tambunan.
- vi Perubahan angka harian yang berlaku disetiap daerah bukan Zon Hijau adalah tidak statik. Kesimpulan terbaik daripada kenaikan dan penurunan angka kes yang tidak stabil ialah terdapat kebarangkalian yang sangat tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan terhadap SOP yang telah digariskan.

vii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6

Terdapat **tiga (3) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Eioz Selatan ; Kota Kinabalu, Tuaran, Penampang** merupakan penularan jangkitan di tempat kerja melibatkan kakitangan Servay Express Warehouse di KKIP Selatan Kota Kinabalu. Kebanyakan kes positif terdiri daripada pekerja dari daerah Kota Kinabalu, Penampang dan Tuaran, malah telah merebak kepada generasi kedua iaitu ahli keluarga kepada kakitangan di gudang terbabit. Kes indeks adalah pekerja am, lelaki, 23, tinggal di Taman Sri Rugading Tuaran disahkan positif COVID-19 pada 03 Jun 2021, setelah mengalami gejala sejak 31 Mei 2021 di Hospital Tuaran. Susulan kes itu, saringan kontak rapat terhadap 40 rakan sekerja dan ahli keluarga mengesan sembilan (9) lagi kes positif, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 10 kes merangkumi tujuh (7) kes di Kota Kinabalu, dua (2) kes di Tuaran dan satu (1) di Penampang. Sementara itu, 12 kontak didapati negatif manakala empat (4) sampel masih menunggu keputusan. Aktiviti pengesanan kontak dan siasatan punca jangkitan giat dijalankan.
- ii **Kluster Kg Kebayau; Kota Belud, Keningau** berkaitan rapat dengan majlis pengembumian di Kg Kebayau pada 26 Mei 2021. Kes indeks merupakan tukang bina rumah, lelaki, 26, bergejala demam, batuk, sakit tekak serta hilang deria bau dan rasa sejak 30 Mei 2021, sebelum disahkan positif COVID-19 pada 03 Jun 2021. Hasil pengesanan secara aktif dan saringan telah dijalankan ke atas 112 individu dalam kalangan ahli keluarga, kontak rapat dan kontak kasual. Daripada jumlah itu, 27 individu dikesan positif, lapan (8) individu masih menunggu keputusan saringan pertama, manakala baki didapati negatif. Kes positif dalam kluster ini meliputi 23 kes yang didaftarkan di daerah Kota Belud, sementara empat (4) kes di daerah Keningau. Semua kes positif telah dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut dan pengasingan di Hospital Queen Elizabeth dan PKRC.

- iii **Kluster Jalan Agaseh; Lahad Datu** membabitkan penularan jangkitan di tempat kerja iaitu sebuah syarikat kejuruteraan elektrik. Kluster ini mencatat tiga (3) kes baharu, menjadikan jumlah kumulatif kes positif sebanyak 15 kes. Kes indeks adalah warganegara, wanita, 64, yang dikesan positif COVID-19 pada 09 Jun 2021 hasil saringan bergejala di Klinik Kesihatan Lahad Datu. Hasil pengesanan secara aktif, 51 kontak rapat telah disaring dan mengesan 14 lagi kes disahkan positif, manakala 36 kontak pula didapati negatif saringan pertama. Semua kes positif COVID-19 dalam kluster ini telah dirujuk ke Hospital Lahad Datu untuk rawatan lanjut dan pengasingan di PKRC Lahad Datu. Sementara itu, kontak-kontak rapat telah diarahkan menjalani kuarantin di Pusat Kuarantin PPR Sri Sepagaya, Lahad Datu. Punca jangkitan masih dalam siasatan.
- 7 Jumlah kapasiti katil 4,176 unit
- Hospital 694 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,061 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 48.96%

B SOP AKTIVITI MASJID DAN SURAU

SOP Aktiviti Masjid dan Surau Negeri Sabah Berkuatkuasa **15 Jun 2021** sehingga pada tarikh yang dimaklumkan kelak adalah seperti berikut :

- i Pelaksanaan solat fardhu lima (5) waktu secara berjemaah adalah **DIBENARKAN** dengan bilangan 12 orang AJK masjid/surau sahaja
- ii Pelaksanaan solat Jumaat di masjid/surau adalah **DIBENARKAN** dengan bilangan 12 orang sahaja dalam kalangan AJK masjid/surau sahaja
- iii Orang Islam yang tidak dapat melaksanakan solat Jumaat **WAJIB** menunaikan solat zuhur pada tempoh tersebut di rumah atau kediaman masing-masing
- iv Pelaksanaan solat jenazah di masjid/surau adalah **DIBENARKAN** dengan bilangan 12 orang sahaja kecuali yang dilaksanakan selepas solat Jumaat adalah mengikut bilangan ahli Jumaat sahaja yang dibenarkan

- v Pelaksanaan solat hajat di masjid/surau adalah **DIBENARKAN** dengan bilangan 12 orang AJK masjid/surau sahaja
- vi Aktiviti di masjid/surau seperti kuliah, majlis ilmu, akad nikah, majlis kenduri dan seumpamanya adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh PKP.

C SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

SOP rumah ibadat bukan islam di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 15 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

D SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

SOP pengurusan pengebumian di rumah ibadat bukan Islam di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 15 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

E SOP KHUSUS UNTUK PENGURUSAN KEMATIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR ORANG BUKAN ISLAM

SOP khusus untuk pengurusan kematian dan penghormatan terakhir orang bukan Islam di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 15 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

F SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK

SOP taska dan pusat jagaan kanak-kanak di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 15 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN D**.

- G PKPD BATU 3.5 JALAN APAS (KIRI), TAWAU**
- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Batu 3.5 Jalan Apas (Kiri), Tawau.
 - 2 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi apabila sebanyak 10 kes positif telah direkodkan hasil daripada 17 ujian saringan.
 - 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Batu 3.5 Jalan Apas (Kiri), Tawau dari 15 Jun hingga 28 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
 - 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan tindakan kawalan COVID-19 dijalankan dengan cepat dan berkesan serta menghalang penularan jangkitan ke komuniti luar.

- H PKPD TAMAN PURI WARISAN, KOTA KINABALU**
- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Puri Warisan, Kota Kinabalu.
 - 2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 yang ketara dalam tempoh dua (2) minggu di lokaliti tersebut di mana 10 kes positif telah direkodkan.
 - 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan PKPD di Taman Puri Warisan, Kota Kinabalu berkuat kuasa 15 Jun sehingga 28 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
 - 4 Pelaksanaan PKPD ini bagi memastikan penduduk yang berisiko kekal berada dalam kawasan PKPD dan menyekat pergerakan serta penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

- I PKPD DUA (2) LOKALITI DI DAERAH TUARAN**
- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di daerah Tuaran melibatkan:
- Taman Telipok Jaya
 - Kampung Penimbawan
- 2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 yang ketara dalam tempoh seminggu di kedua-dua lokaliti tersebut di mana 10 kes positif telah direkodkan dari 11 ujian saringan yang dijalankan di Taman Telipok Jaya manakala 13 kes positif dari 77 ujian saringan di Kampung Penimbawan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan PKPD di Taman Telipok Jaya dan Kampung Penimbawan, Tuaran, Sabah berkuat kuasa 15 Jun sehingga 28 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini bagi memastikan penduduk yang berisiko kekal berada dalam kawasan PKPD dan menyekat pergerakan serta penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

- J PKPD KAMPUNG LEBAK MOYOH, KOTA BELUD**
- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud.
- 2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 yang ketara dalam tempoh seminggu di lokaliti tersebut di mana lapan (8) kes positif telah direkodkan dari 20 penduduk yang disaring di kawasan ini.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud, Sabah berkuat kuasa 15 Jun sehingga 28 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 4 Pelaksanaan PKPD ini bagi memastikan penduduk yang berisiko kekal berada dalam kawasan PKPD dan menyekat pergerakan serta penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

K PELANJUTAN PKPD TAMAN PELANGI, SEMPORNA

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Pelangi, Semporna yang dijadualkan tamat pada 14 Jun 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 71 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Sehingga kini, KKM mengesahkan masih terdapat penularan berterusan dikalangan penduduk di dalam kawasan PKPD serta masih terdapat jangkitan baharu yang direkodkan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD di Taman Pelangi, Semporna sehingga 28 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

L PELANJUTAN PKPD KAMPUNG TANJUNG KAPOR, KUDAT

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tanjung Kapor, Kudat yang dijadualkan tamat pada 14 Jun 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 832 ujian saringan dan 86 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Sehingga kini, KKM mengesahkan masih terdapat penularan berterusan dikalangan penduduk di dalam kawasan PKPD serta masih terdapat jangkitan baharu yang direkodkan.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Tanjung Kapor, Kudat sehingga 28 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

M PENAMATAN AWAL PKPD KG. KUALA MENGGATAL, KOTA KINABALU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg. Kuala Menggatal, Kota Kinabalu yang dijadualkan tamat pada 15 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 304 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 10 kes positif telah direkodkan.
- 3 KKM mengesahkan baki kes aktif dilokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal serta kesemua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kg. Kuala Menggatal, Kota Kinabalu 14 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) lebih awal daripada tarikh yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

N PENAMATAN AWAL PKPD JALAN KLIAS 2 & 3, BEAUFORT

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Jalan Klias 2 & 3, Beaufort yang dijadualkan tamat pada 15 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 492 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak 30 kes positif telah direkodkan.
- 3 KKM mengesahkan baki kes aktif dilokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal serta kesemua kes positif telah menerima rawatan
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Jalan Klias 2 & 3, Beaufort, Sabah 14 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) lebih awal daripada tarikh yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

O PENAMATAN PKPD KAMPUNG ASSAM, LAHAD DATU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Assam, Lahad Datu yang dijadualkan tamat pada 14 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, sebanyak 9 kes positif COVID-19 telah direkodkan dilokaliti dari 23 ujian saringan yang dilakukan dan KKM mengesahkan kesemua kes positif tersebut telah diasangkan dan dirawat.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Assam, Lahad Datu 14 Jun 2021 (jam 11.59 malam) seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

P PENAMATAN PKPD DI DUA (2) PERKAMPUNGAN DI KOTA BELUD

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) Perkampungan di Kota Belud iaitu di Kampung Payas-Payas dan Kampung Rampayan Laut yang dijadualkan tamat pada 14 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 146 ujian saringan di Kampung Payas-Payas dan 12 positif telah direkodkan di lokaliti ini. Manakala sebanyak 15 kes positif telah direkodkan hasil saringan ke atas 197 penduduk di Kampung Rampayan Laut.
- 3 KKM juga mengesahkan baki kes aktif dilokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal serta kesemua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Payas-Payas dan Kampung Rampayan Laut pada 14 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

Q STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **60,140** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **53,186** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **12,268** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **172,798** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **2,052** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **49,415** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 857 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 669,493 (mysejahtera 601,736 : laman web 67,526 : talian vaksinasi 231) bersamaan 22.8%.

R BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **352,755** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

S LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 147 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 66,637 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 700 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 61 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- 24 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - Enam (6) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - 10 orang : Membawa penumpang berlebihan.
 - 21 orang : Keluar rumah tanpa alasan munasabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 127 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiga (3) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 461 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Satu (1) kompaun telah dikeluarkan atas kesalahan tidak memakai pelitup muka di kawasan awam. Kompaun dikeluarkan di daerah Kuala Penyu oleh Majlis Daerah Kuala Penyu.
 - iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 36 premis perniagaan dan 42 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan kepada individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 287 lokasi melibatkan seramai 153 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 70 anggota di 91 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, melibatkan enam (6) buah daerah pada hari ini.

8 Sejumlah 320 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 154 hebahan di seluruh Sabah.

T KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **93.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Beluran	94%
3	Kunak	94%
4	Kota Marudu	94%
5	Tenom	94%
6	Sandakan	94%
7	Beaufort	94%
8	Kudat	93.5%
9	Lahad Datu	93.5%
10	Tawau	93.5%
11	Kinabatangan	93.5%
12	Ranau	93.5%
13	Semporna	93%
14	Keningau	93%
15	Penampang	93%
16	Kota Belud	93%
17	Papar	93%
18	Kota Kinabalu	93%
19	Tuaran	93%

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN A



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA TIBA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa ketibaan di rumah ibadat bukan Islam.	6 pagi -7 malam 12 orang Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan mengambil kira penjarakan fizikal.	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran</p> <p>Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan hand sanitizer dan rekod kehadiran.</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan hand sanitizer atau sabun dan air</p> <p>Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, ruang ibadat dan peralatan sembahyang</p> <p>Menyusun dan membuat penandaan jarak kedudukan Ahli Jawatankuasa Pengurusan di dalam dewan dan ruang ibadat, sekurang-kurangnya 1 meter</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan DIWAJIBKAN membawa peralatan sembahyang sendiri.</p>	<p>Persiapan semasa operasi di Rumah Ibadat bukan Islam</p> <p>Pemilihan Ahli Jawatankuasa Pengurusan untuk hadir sembahyang tertakluk kepada pihak pengurusan Rumah Ibadat bukan Islam tidak melebihi 12 orang</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib pamer notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri.</p>	<p>Kehadiran penganut di dalam dan di luar Rumah Ibadat bukan Islam.</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.</p> <p>Perkongsian peralatan sembahyang oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan.</p>

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA BERADA DI DALAM RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Ahli Jawatankuasa Pengurusan semasa berada di dalam rumah ibadat bukan Islam.	6 pagi – 7 malam 12 orang Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan mengambil kira penjarakan fizikal.	Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa Mewajibkan penjarakan fizikal Kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i> Tidak dibenarkan berkongsi peralatan sembahyang.	Pematuhan SOP diwajibkan.	Kehadiran pengikut di dalam dan di luar Rumah Ibadat bukan Islam Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas Perkongsian peralatan sembahyang oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan.

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN KELUAR BANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa keluar bangunan Rumah Ibadat bukan Islam	6 pagi hingga 7 malam 12 orang Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan mengambil kira penjarakan fizikal.	Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa. Mewajibkan penjarakan fizikal. Cara keluar rumah ibadat mesti mengikut penjarakan fizikal.	Pematuhan SOP diwajibkan. Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu bersurai dalam keadaan tertib.	Kehadiran penganut di dalam dan di luar Rumah Ibadat bukan Islam. Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021
(UPACARA PEMBERKATAN PERKAHWINAN)

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN UPACARA PEMBERKATAN PERKAHWINAN Untuk ahli keluarga pengantin sahaja.	Tempoh upacara pemberkatan perkahwinan tidak melebihi 2 jam Terhad kepada 12 orang sahaja.	Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib memastikan pengamalan penjarakan fizikal 1 meter Ahli keluarga pengantin diwajibkan untuk membawa peralatan sembahyang sendiri.	SOP Rumah Ibadat Bukan Islam wajib dipatuhi Ahli keluarga pengantin dilarang berkongsi peralatan sembahyang.	Aktiviti berkumpulan, bersalaman, berpelukan, bersempang di dalam / luar rumah Mengadakan sebarang aktiviti berjadual di dalam / luar seperti kelas keagamaan dan kebudayaan Perkongsian peralatan sembahyang untuk ahli keluarga pengantin.

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021

LAMPIRAN B



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
(PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa ketibaan di Rumah Ibadat bukan Islam.	Tempoh operasi 6 pagi hingga 6 petang. Tempoh upacara tidak melebihi 2 jam setiap sesi. 12 orang termasuk ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan serta mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran. Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan rekod kehadiran. Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air. Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, ruang ibadat dan peralatan sembahyang. Menyusun dan membuat penandaan jarak kedudukan ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan di dalam dewan dan ruang ibadat sekurang-kurangnya 1 meter. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan DIWAJIBKAN membawa peralatan sembahyang sendiri. Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Persiapan semasa operasi di Rumah Ibadat bukan Islam Pemilihan kehadiran Ahli Jawatankuasa Pengurusan untuk hadir sembahyang dan ahli keluarga hadir di Rumah Ibadat bukan Islam tidak melebihi 12 orang. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir. Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib pamer notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri.	Bersalaman dan bersentuhan. Kehadiran penganut di dalam dan di luar Rumah Ibadat bukan Islam. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas. Perkongsian peralatan sembahyang oleh ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan.

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN BUKAN ISLAM DI RUMAH KEDIAMAN (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA BERADA DI RUMAH KEDIAMAN / MORTUARY PARLOUR Melibatkan ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Mortuary.	Tempoh operasi 6 pagi hingga 6 petang. Tidak melebihi 10 orang ahli keluarga tertakluk kepada keluasan ruang rumah / Mortuary Parlour dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran Menyediakan kaunter di pintu masuk rumah kediaman / Mortuary Parlour bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> . Urusan persiapan mayat diuruskan TIDAK MELEBIHI 5 orang sahaja (pemandian / pembersihan / pemakaian). Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa. Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i> . Tidak dibenarkan berkongsi peralatan. Upacara kematian diuruskan mengikut anutan agama atau kepercayaan dan adat masing-masing dan upacara perarakan beramai-ramai tidak dibenarkan. Mayat di bawa ke tanah perkuburan atau tempat pembakaran mayat / krematorium untuk pengembuman dengan dirungi ahli keluarga tidak melebihi 10 orang . Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Pematuhan SOP diwajibkan. Tuan rumah / Mortuary Parlour hendaklah memastikan semua ahli keluarga faham dan patuh kepada SOP yang disediakan.	Ahli keluarga / Ahli Jawatankuasa Pengurusan Mortuary Parlour bersalam dan bersentuhan. Ahli keluarga / Ahli Jawatankuasa Pengurusan Mortuary Parlour yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas. Perkongsian peralatan. Upacara perarakan beramai-ramai.

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN BUKAN ISLAM DI TAPAK PERKUBURAN / KREMATORIUM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
1. PERATURAN DI TAPAK PERKUBURAN Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Tanah Perkuburan	Tempoh operasi 6 pagi hingga 6 petang. Tempoh upacara di tapak perkuburan tidak melebihi 2 jam. Kehadiran ahli keluarga tidak melebihi 10 orang tidak termasuk Ahli Jawatankuasa Tanah Perkuburan dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran Menyediakan tempat di tapak perkuburan bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> . Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air. Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Upacara kematian diuruskan mengikut anutan agama atau kepercayaan dan adat masing-masing dan upacara perarakan beramai-ramai tidak dibenarkan. Ahli keluarga yang berada di kampung perlu melalui Ketua Kampung untuk mengenalpasti bilangan minima petugas yang diperlukan untuk ke tapak perkuburan. Ahli keluarga yang berada di bandar perlu mengenalpasti bilangan minima petugas yang diperlukan untuk ke tapak perkuburan sama ada melalui pemilihan oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan Mayat di <i>Mortuary Parlour</i> / mengikut anutan agama masing-masing. Cara keluar tapak perkuburan dengan segera dan dalam keadaan tertib serta mengikut SOP yang ditetapkan. Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Pemilihan petugas untuk ahli keluarga di luar bandar, di bandar dan di <i>Mortuary Parlour</i> untuk tujuan kebenaran mengurus mayat di tapak perkuburan adalah tertakluk kepada bilangan minima yang diperlukan hadir. Pematuhan SOP diwajibkan. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu bersurai segera dan dalam keadaan tertib.	Ahli keluarga bersalamans dan bersentuhan. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas. Upacara perarakan beramai-ramai.

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN BUKAN ISLAM DI TAPAK PERKUBURAN / KREMATORIUM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
2. PERATURAN DI KREMATORIUM Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan	<p>Tempoh operasi 6 pagi hingga 6 petang.</p> <p>Tempoh upacara di krematorium tidak melebihi 2 jam setiap sesi.</p> <p>Kehadiran ahli keluarga tidak melebihi 10 orang tidak termasuk Ahli Jawatankuasa Pengurusan dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</p>	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran</p> <p>Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air.</p> <p>Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</p> <p>Pihak Pengurusan <i>Mortuary Parlour</i> hendaklah kerap melakukan proses pembersihan dan nyahkuman / sanitasi di kawasan sekitar.</p> <p>Upacara kematian diuruskan mengikut anutan agama atau kepercayaan dan adat masing-masing dan upacara perarakan beramai-ramai tidak dibenarkan.</p> <p>Cara keluar ahli keluarga di krematorium perlu segera dan tertib selepas selesai upacara tersebut serta mengikut SOP yang ditetapkan.</p> <p>Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.</p>	<p>Pematuhan SOP diwajibkan.</p> <p>Upacara perarakan beramai-ramai tidak dibenarkan.</p> <p>Ahli keluarga perlu bersurai segera dan dalam keadaan tertib.</p>	<p>Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan.</p> <p>Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.</p> <p>Upacara perarakan beramai-ramai.</p>

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN BUKAN ISLAM DI TAPAK PERKUBURAN / KREMATORIUM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAIN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN UPACARA MELEPASKAN ABU MAYAT Melibatkan ahli keluarga sahaja.	Tempoh operasi 6 pagi hingga 6 petang. Tempoh upacara tidak melebihi 2 jam. Kehadiran ahli keluarga tidak melebihi 5 orang dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	Proses pelepasan abu mayat di sungai atau laut hanya melibatkan ahli keluarga tidak melebihi 5 orang dan mengikut anutan agama dan kepercayaan masing-masing. Upacara perarakan dalam ahli keluarga beramai-ramai tidak dibenarkan. Ahli keluarga segera bersurai dan tertib selepas upacara melepaskan abu mayat. Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Pematuhan SOP diwajibkan. Upacara perarakan dalam ahli keluarga beramai-ramai dilarang. Ahli keluarga perlu bersurai segera dan dalam keadaan tertib.	Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas. Upacara perarakan dalam ahli keluarga beramai-ramai.

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021

LAMPIRAN C



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

**SOP KHUSUS UNTUK PENGURUSAN KEMATIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR ORANG BUKAN ISLAM
(PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021**

AKTIVITI	TEMPOH AKTIVITI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
SEMASA SI MATI BERADA DI RUMAH KEDIAMAN Tidak melebihi tiga(3) hari untuk penghormatan terakhir sebelum pengebumian	6 pagi hingga 6 petang. Tempoh masa aktiviti melawat dan memberi penghormatan terakhir tidak melebihi 5 minit (di dalam rumah) 10 orang ahli keluarga dengan mengambil kira ruang rumah dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran.</p> <p>Menyediakan meja di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan rekod kehadiran.</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air.</p> <p>Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh di rumah kediaman</p> <p>Proses penghormatan terakhir dibenarkan tidak melebihi 3 orang (termasuk tuan rumah) setiap masa. Pelawat dikehendaki beratur mengikut giliran dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p> <p>Pelawat perlu segera bersurai dengan tertib selepas memberi penghormatan terakhir</p> <p>Ahli keluarga / pelawat terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.</p>	<p>Pematuhan SOP diwajibkan</p> <p>Objektif kedatangan pelawat memberi penghormatan terakhir ialah</p> <ol style="list-style-type: none"> Memberi sumbangan / derma Sembahyang (berdoa) <p>Pelawat bersurai segera dalam keadaan tertib.</p>	<p>Ahli keluarga / pelawat bersalamans dan bersentuhan</p> <p>Ahli keluarga / pelawat yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Pelawat berkumpul diluar rumah (10 ahli keluarga dikecualikan)</p> <p>Majlis makan minum dirumah</p> <p>Aktiviti sosial komuniti</p> <p>Perkongsian peralatan makan minum dan alat sembahyang.</p>

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP KHUSUS UNTUK PENGURUSAN KEMATIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR ORANG BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH AKTIVITI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
SEMASA SI MATI BERADA DI RUMAH KEDIAMAN Tidak melebihi Sepuluh(10) hari untuk aktiviti sembahyang di rumah kediaman	7 malam hingga 9 malam (tidak melebihi 2 jam) 10 orang ahli keluarga dengan mengambil kira ruang rumah dan penjarakan fizikal.	Memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air Aktiviti sembahyang hanya dibenarkan untuk ahli keluarga sahaja dalam tempoh tidak melebihi 10 hari Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Pematuhan SOP diwajibkan Hanya aktiviti sembahyang di kalangan ahli keluarga dibenarkan.	Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan Ahli keluarga yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas Aktiviti sosial komuniti.

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP KHUSUS UNTUK PENGURUSAN KEMATIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR ORANG BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15/06/2021 - 28/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH AKTIVITI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANCAN RINGKAS	
SEMASA SI MATI BERADA DI FUNERAL PARLOUR Tidak melebihi tiga(3) hari untuk penghormatan terakhir sebelum pengebumian	7 pagi hingga 6 petang. Tempoh masa melawat dan memberi penghormatan terakhir tidak melebihi 5 minit (di dalam <i>funeral parlour</i>) 10 orang ahli keluarga dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran. Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan rekod kehadiran. Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air. Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh Proses penghormatan terakhir dibenarkan tidak melebihi 3 orang (termasuk tuan rumah) setiap masa. Pelawat dikehendaki beratur mengikut giliran dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Pelawat perlu segera bersurai dengan tertib selepas memberi penghormatan terakhir. Ahli keluarga / pelawat terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Pematuhan SOP diwajibkan Objektif kedatangan pelawat memberi penghormatan ialah 1. Memberi sumbangan / derma 2. Sembahyang (berdoa) Ahli keluarga / pelawat perlu bersurai segera dan dalam keadaan tertib.	Ahli keluarga / pelawat bersalaman dan bersentuhan Ahli keluarga / pelawat yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas Pelawat berkumpul di persekitaran <i>funeral parlour</i> Majlis makan minum Perkongsian peralatan sembahyang.

Tarikh dikemaskini: 14 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

**SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK
(PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15 JUN – 28 JUN 2021**

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEBELUM MENGHANTAR KANAK-KANAK KE TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK a) Sebelum ketibaan di TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak	6am - 6pm 50% kapasiti (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter)	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu/ bapa/penjaga menghantar kanak-kanak setelah dimandikan dari rumah • Memastikan anak-anak dalam keadaan yang sihat • Ibu/ bapa/ penjaga memastikan anak-anak memakai pelitup muka. 	<ul style="list-style-type: none"> • Persiapan ibu/ bapa/penjaga sebelum menghantar anak mereka ke TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak. 	Kanak-kanak yang demam atau sakit jika suhu kanak-kanak 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.

Tarikh dikemaskini: 14 Jun 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15 JUN – 28 JUN 2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA MENGHANTAR KANAK-KANAK DI TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK b) Semasa tiba di TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak	6am - 6pm 50% kapasiti (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter)	<ul style="list-style-type: none">• Pengasuh menggunakan aplikasi MySejahtera/ SabahTrace dan buku log harian• Aturkan jadual ketibaan Kanak-kanak ke TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak• Ibu/bapa/penjaga dilarang keluar daripada kereta• Kanak-kanak diambil bacaan suhu dan menggunakan hand sanitiser sebelum masuk ke premis TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak• Pengasuh yang menguruskan bayi hendaklah memakai PPE penuh sepanjang masa mengendalikan bayi.	<ul style="list-style-type: none">• Jadualkan waktu menurunkan kanak-kanak dalam bilangan kecil dengan jarak waktu 5-10 minit• kanak-kanak disambut oleh pengasuh• Saringan gejala dan pemeriksaan suhu dilakukan semasa ketibaan.	Jika bacaan suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas, kanak-kanak tidak dibenarkan untuk memasuki premis TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak.

Tarikh dikemaskini: 14 Jun 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15 JUN – 28 JUN 2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK	6am - 6pm 50% kapasiti (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter)	<ul style="list-style-type: none">Pengasuh memastikan ruang/bilik sudah disanitasi, selamat dan bersih untuk digunakanPengasuh dan kanak-kanak memakai pelitup muka sepanjang masa beraktivitiPengasuh memastikan pembelajaran/ aktiviti dengan penjarakan fizikal 1 meterPengasuh memastikan bilik dan semua peralatan disanitasi dan dibersihkan selepas aktiviti dijalankan.	<ul style="list-style-type: none">Buka tingkap dan pintu untuk membantu aliran udara yang segarPenjarakan fizikal 1 meterBuat jadual pembersihan ruang pembelajaran dan peralatan sepanjang masa kanak-kanak berada dalam TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak.	Aktiviti berkumpulan atau bersentuhan tanpa penjarakan fizikal 1 meter.
c) Persekitaran Ruang TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak / Bilik Aktiviti i) Semasa menjalankan aktiviti di TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak)				

Tarikh dikemaskini: 14 Jun 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15 JUN – 28 JUN 2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK	6am - 6pm 50% kapasiti (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter)	<ul style="list-style-type: none">Mandi dan menukar pakaian/ lampin seorang demi seorangPakaian/ lampin kotor terus dimasukkan dalam beg yang dibekalkan oleh ibu/ bapa/ penjagaLampin (pakai buang) terpakai dibuang segera dalam beg plastik dan dimasukkan ke dalam tong sampah bertutupPengasuh sentiasa memakai pelitup muka. Kanak-kanak perlu menukar pelitup muka yang baharuBersih dan sanitasikan tandas/ kawasan yang telah digunakan selepas kanak-kanak lain menggunakananya.	<ul style="list-style-type: none">Mandi dan tukarkan baju kanak-kanak seorang demi seorang. Peralatan pembersih diri dilabelkan mengikut nama kanak-kanak masing-masingPengasuh memasukkan pakaian kotor ke dalam beg plastik dan tutupkannya.Pengasuh memakai pelitup muka sepanjang masa.	Mandi berkumpulan Berkongsi pakaian, tuala dan peralatan pembersih diri.
c) Persekutuan Ruang TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak / Bilik Aktiviti ii) Waktu Mandi Dan Menukar Pakaian/ Lampin				

Tarikh dikemaskini: 14 Jun 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK
(PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15 JUN – 28 JUN 2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK c) Persekitaran Ruang TASKA / Pusat Penjagaan Kanak-Kanak / Bilik Aktiviti iii) Waktu makan/ minum/ menyusu	6am - 6pm 50% kapasiti (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter)	<ul style="list-style-type: none">• Kanak-kanak makan/ minum/ menyusu secara individu• Memastikan kebersihan makan/ minum/ susu• Penjarakan fizikal 1 meter.	<ul style="list-style-type: none">• Pengasuh mengekalkan penjarakan kanak-kanak 1 meter• Pengasuh sentiasa memakai pelitup muka.	Berkongsi peralatan makan minum, peralatan menyusu.

Tarikh dikemaskini: 14 Jun 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15 JUN – 28 JUN 2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK	6am - 6pm 50% kapasiti (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter)	<ul style="list-style-type: none">Kanak-kanak tidur/rehat secara individuPenjarakkan fizikal 1 meterPengasuh sentiasa memakai pelitup muka.	<ul style="list-style-type: none">Setiap kanak-kanak (secara individu), haruslah dikhaskan sebuah katil/tilam/bantal/selimut yang dilabelkan mengikut nama masing-masingPengasuh mengekalkan penjarakan kanak-kanak 1 meterPengasuh yang menjaga kanak-kanak sewaktu tidur perlu memakai pelitup mukaKanak-kanak tidak perlu memakai pelitup muka semasa tidur.	Berkongsi katil/tilam/bantal/selimut.
c) Persekitaran Ruang TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak / Bilik Aktiviti iv) Waktu tidur/rehat				

Tarikh dikemaskini: 14 Jun 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 15 JUN – 28 JUN 2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA IBU/BAPA/ PENJAGA MENJEMPUT KANAK-KANAK DARI TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK d) Semasa ibu/bapa/ penjaga menjemput kanak-kanak dari TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak	6am - 6pm 50% kapasiti (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter)	<ul style="list-style-type: none">Pengasuh mengatur jadual waktu menjemput kanak-kanakPengasuh melaksanakan penjarakan fizikal 1 meterIbu/bapa/penjaga dilarang keluar daripada keretaPengasuh dan kanak-kanak memakai pelitup muka sepanjang masaPengasuh yang menguruskan bayi hendaklah memakai PPE penuh sepanjang masa mengendalikan bayiMengingatkan ibu/bapa/penjaga dan kanak-kanak mandi sebaik sampai di rumah.	<ul style="list-style-type: none">Pengambilan balik kanak-kanak dibuat secara berperingkat dan mematuhi SOPKanak-kanak dihantar ke kenderaan ibu/bapa/ penjaga oleh pengasuhKanak-kanak dan ibu/bapa/ penjaga harus segera mandi setelah sampai ke rumah.	Perbincangan bersemuka perihal anak di luar TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak Bersentuhan atau berpelukan antara satu sama lain.

Tarikh dikemaskini: 14 Jun 2021